

# 4 fasa kitaran kualiti bantu pengurusan masa

**Al-Quran** memberi peringatan tentang masa. Ia disebut secara khusus dalam Surah al-Asr di mana Allah SWT berfirman maksudnya, "Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran".

Walaupun banyak tafsiran diberikan tentang masa dalam ayat ini, jumur ulama sepakat bahawa ia merujuk waktu secara umum bagi menyatakan kepentingan pengisian waktu dengan cara dianjurkan Islam.

Hadis Nabi SAW turut mengungkapkan tentang masa. Antaranya yang bermaksud: "Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara - masa sihat sebelum sakit, masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin), masa lapang sebelum tiba masa sibuk, masa muda sebelum datang tua dan masa hidup sebelum tibanya mati."

Tidak hairan peribahasa Melayu menyebut 'masa itu emas'. Peringatan diberikan menunjukkan kepentingan menguruskannya dengan baik.

Kunci perlu dititikberatkan dalam soal ini ialah kualiti masa. Kitaran kualiti dikaitkan empat fasa iaitu ran-

cang, laksana, pantau dan semak, serta tambah baik.

Kitaran merancang memerlukan kita merencana apa perlu dilakukan dalam tempoh masa tertentu. Bukan sekadar melakukan sesi percambahan fikiran untuk memikirkan apa yang perlu dirancang, tetapi menyenaraikan tugas dilakukan.

Perancangan perlu membabitkan penetapan objektif ingin dicapai daripada tugas dirancang, kaedah pelaksanaannya dan tempoh masa diperlukan. Dengan kata lain, pada kitaran ini, perancangan tidak hanya tertumpu mengenal pasti tugas, tetapi membabitkan strategi pelaksanaan tugas.

Kitaran ini sangat penting kerana ia akan menentukan hala tuju tugas perlu diselesaikan. Kita merancang untuk berjaya, bukan merancang untuk gagal. Jadi, dalam fasa perancangan ini kita boleh aplikasi prinsip keutamaan dengan mendahulukan perkara yang perlu diutamakan.

Kitaran melaksana pula membabitkan tahap pelaksanaan setiap strategi yang digariskan. Kita perlu memastikan setiap strategi yang perlu dirancang pada kitaran lebih awal tadi, dilaksanakan mengikut perancangan.

Kitaran ini sangat memerlukan kawalan sendiri yang baik. Masa berada dalam kawalan kita. Ia bergantung bagaimana kita mengawalinya. Kawalan sendiri yang baik akan membo-

lehkan kita memanfaatkan masa dengan kerja berfaedah. Kawalan sendiri lemah akan menyebabkan kita menghabiskan masa dengan melakukan perkara sia-sia.

Kitaran ini juga menuntut kerjasama jitu antara semua pihak yang melaksanakan strategi dirancang. Satu lagi prinsip perlu diaplikasi pada kitaran ini ialah tidak menanggungkan kerja.

Selepas merancang dan melaksanakan tugas, kita perlu kepada satu proses untuk memantau dan menyemak. Kitaran ini memerlukan kita mengukur dan menganalisis pencapaian objektif dirancang pada kitaran lebih awal.

Jika ia dikaitkan dengan strategi pelaksanaan, maka kitaran ini memerlukan kita mengukur dan menganalisis strategi dirancang untuk melihat sebarang manfaat atau implikasi negatif yang wujud.

Jika implikasi negatif dikesan pada tahap ini, kita masih mempunyai masa untuk membetulkan keadaan. Fasa ini boleh disifatkan seperti proses muhasabah diri, di mana kita menilai semula tugas yang dilaksanakan.

Di sini juga kita melakukan refleksi terhadap jurang pencapaian dan kesesuaian pada kitaran merancang dan kitaran melaksana.

Kitaran terakhir menambah baik. Fasa ini menuntut kita melaksanakan penambahbaikan berasaskan prestasi

dicapai semasa proses memantau dan menyemak atau muhasabah diri.

Sebarang dapatan daripada refleksi dilakukan akan dilaksanakan pada kitaran ini. Namun, penambahbaikan lebih wajar dilakukan kepada perkara yang berada dalam kawalan kita.

Ini untuk memastikan penambahbaikan benar-benar boleh dilaksanakan tanpa perlu bergantung pihak lain. Jika refleksi menunjukkan pengurusan masa kita bermasalah dan ia membabitkan dua pihak yang bekerjasama, fokuskan penambahbaikan kepada pengurusan masa di pihak kita.

Ini kerana, kita boleh mengawal masa kita, tetapi kita tidak boleh mengawal pengurusan masa pihak lain.

Jelasnya, kita perlu merancang pengurusan masa dengan baik. Namun, perancangan mungkin tidak berjalan seperti sepatutnya.

Ia juga mungkin tidak membuahkan hasil seperti dirancang. Perlu diingat perancangan pengurusan masa tidak rigid kerana kita sebenarnya masih mempunyai ruang untuk menambah baik mana-mana perancangan yang didapati mempunyai masalah.

Proses penambahbaikan ini akan meningkatkan lagi kualiti pengurusan masa kita.

*Penulis adalah Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Kebangsaan Malaysia*



**Prof Madya  
Dr Roziah  
Sidik**